UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA

UTM.J.02.02/10.12/2 Jld. 7 (44)

3 Ogos 2020 13 Zulhijjah 1441

PEKELILING PENTADBIRAN BIL. 40/2020

PEMAKAIAN SURAT PEKELILING PERKHIDMATAN BILANGAN 1 TAHUN 2020 BERKENAAN PEMANJANGAN PEMBERIAN PERGERAKAN GAJI TAHUNAN KEPADA PEGAWAI YANG MENCAPAI GAJI MAKSIMUM BAGI GRED-GRED GAJI BAHARU YANG DIWUJUDKAN MULAI 1 JULAI 2016

Sukacita dimaklumkan bahawa Mesyuarat Lembaga Pengarah Universiti Bilangan 108 bertarikh 14 Julai 2020 telah meluluskan pemakaian Surat Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 1 Tahun 2020 berkenaan pemanjangan pemberian pergerakan gaji tahunan kepada pegawai yang mencapai gaji maksimum bagi gred-gred gaji baharu yang diwujudkan mulai 1 Julai 2016.

- 2. Kerajaan telah memperuntukkan pergerakan gaji tahunan berasaskan kadar tetap 3% daripada gaji maksimum bagi skim perkhidmatan yang telah melalui rasionalisasi berdasarkan Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 1 Tahun 2016. Kaedah pelaksanaan dan syarat-syarat pemberian PGT bagi urusan ini sama sebagaimana yang telah ditetapkan dalam Pekeliling Perkhidmatan Bil. 2 Tahun 2015.
- 3. Dalam melaksanakan pemberian pergerakan gaji tahunan berasaskan kadar tetap 3% daripada gaji maksimum ini, **Ketua Jabatan dan Panel Pembangunan Sumber Manusia bertanggungjawab** untuk:
 - 3.1 Mengenal pasti pegawai yang akan menghampiri dan mencapai gaji maksimum bagi memudahkan urusan pemberian pergerakan gaji tahunan berasaskan kadar tetap 3% daripada gaji maksimum;
 - 3.2 memastikan pemberian pergerakan gaji tahunan berasaskan kadar tetap 3% daripada gaji maksimum hanya diberikan kepada pegawai yang layak; dan
 - 3.3 menggunakan kadar yang telah ditetapkan dalam Lampiran A dan Lampiran B Surat Pekeliling Perkhidmatan ini dan juga dalam Lampiran A dan Lampiran B PP Bil. 2/2015 bagi memastikan pemberian pergerakan gaji tahunan berasaskan kadar tetap 3% daripada gaji maksimum ini adalah teratur.

- 4. Surat Pekeliling Perkhidmatan ini hendaklah disifatkan telah berkuat kuasa mulai **1 Januari 2019.**
- 5. Sehubungan dengan itu, seluruh warga Universiti adalah diminta untuk mengambil maklum mengenai Pemanjangan Pemberian Pergerakan Gaji Tahunan Kepada Pegawai Yang Mencapai Gaji Maksimum Bagi Gred-Gred Gaji Baharu Yang Diwujudkan Mulai 1 Julai 2016. Maklumat lanjut berhubung pekeliling boleh dimuat turun melalui Sistem UTMHR https://hrfin.utm.my/smu atau merujuk kepada Seksyen Perkhidmatan & Saraan, Bahagian Sumber Manusia, Jabatan Pendaftar, Universiti Teknologi Malaysia.

Sekian dimaklumkan, terima kasih.

"Berkhidmat untuk Negara kerana Allah"

Saya yang menjalankan amanah,

(ABDUL RAZIB IN HJ. SHAHUDDIN)

Pendaftar

- s.k. Naib Canselor
 - Timbalan Naib Canselor (Pembangunan)
 - Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi)
 - Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa)
 - Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar)
 - Pro-Naib Canselor (Kampus UTM Kuala Lumpur)
 - Pengarah Pusat Penyelidikan UTM Pagoh
 - Pegawai-Pegawai Kanan/Dekan/Pengarah

NAI/MS/fcm/kma/2020

UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA

UTM.J.02.02/10.12/2 Jld. 7 (44)

3 August 2020 13 Zulhijjah 1441

ADMINISTRATIVE CIRCULAR NO. 40/2020

APPLICATION OF SERVICE CIRCULAR NO. 1 OF 2020 REGARDING THE EXTENSION IN GIVING ANNUAL SALARY MOVEMENT TO OFFICERS WHO HAVE REACHED MAXIMUM SALARY FOR NEW SALARY GRADES ESTABLISHED FROM 1 JULY 2016

We are pleased to inform that the University Board of Directors Meeting No. 108 dated 14 July 2020 has approved the application of Service Circular No. 1 of 2020 regarding the extension in giving annual salary movement to officers who have reached maximum salary for new salary grades starting 1 July 2016.

- 2. The Government has allocated the annual salary movement based on a fixed rate of 3% of the maximum salary for service schemes that have undergone rationalization based on Service Circular No. 1 of 2016. The method of implementation and conditions of granting PGT for this matter are as stipulated in Service Circular No. 2 of 2015.
- 3. In implementing the provision of annual salary movement based on a fixed rate of 3% of the maximum salary, the **Head of Department and Human Resource Development Panel are responsible to**:
 - 3.1 Identify officers who will approach and achieve the maximum salary to facilitate the provision of annual salary movement based on a fixed rate of 3% of the maximum salary:
 - 3.2 ensure that the provision of annual salary movements based on a fixed rate of 3% of the maximum salary are only given to eligible officers; and
 - 3.3 use the rates set in Appendix A and Appendix B of this Circular Letter and also in Appendix A and Appendix B of Circular No. 2/2015 to ensure that the provision of annual salary movement based on a fixed rate of 3% of the maximum salary are in order.

- 4. This Service Circular Letter shall be deemed to have come into force from **1 January 2019.**
- 5. In this regard, all University staff are requested to take note of the Extension of Annual Salary Movement to Officers who have reached the Maximum Salary for New Salary Grades Established from 1 July 2016. More information on circulars can be downloaded through the UTMHR System https://hrfin.utm.my/smu or refer to the Services & Remuneration Section, Human Resources Division, Department of Registrar, Universiti Teknologi Malaysia.

Thank you.

"Berkhidmat untuk Negara kerana Allah"

I, who uphold trust,

(ABDUL RAZIB BIN HJ. SHAHUDDIN)

Registrar

- c.c. Vice-Chancellor
 - Deputy Vice-Chancellor (Development)
 - Deputy Vice-Chancellor (Research and Innovation)
 - Deputy Vice-Chancellor (Academic and International)
 - Deputy Vice-Chancellor (Student Affairs)
 - Pro-Vice-Chancellor (UTM Kuala Lumpur)
 - Director Research Centre UTM Pagoh
 - Senior Officers / Deans / Directors

ND/mhymt/kma/2020